



JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR,
ARAS 1, BANGUNAN DATO' MUHAMAD IBRAHIM MUNSYI,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI JOHOR,
KOTA ISKANDAR, 79000 ISKANDAR PUTERI.



Tarikh iklan : 15 Jun 2026

KENYATAAN TAWARAN
NO. SEBUTHARGA : JPNJ (S) 04/2026(PPAN)

Sebut Harga adalah dipelawa kepada **Pembekal-Pembekal** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dan dalam Kod Bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi pembekalan seperti berikut :

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup Sebut Harga
JPNJ (S) 04/2026 (PPAN)	MEMBEKAL & MENGHANTAR TUJUH (7) UNIT TRAKTOR 4 RODA (23HP / 4WD) PROJEK PERTANIAN DI NEGERI JOHOR ZON A MUAR,SEGAMAT DAN TANGKAK	KKM Kod Bidang : 110201 (Jentera Berat - Pertanian)	25 Jun 2026 (Jumaat) (12.00 t/hari)

2. Dokumen sebutharga boleh didapati daripada JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR, Aras 1, Bangunan Dato' Muhamad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar, 79000 Iskandar Puteri, JOHOR pada waktu bekerja pejabat dan tawaran hanya diterima dengan menggunakan borang khas yang disediakan sahaja. Kadar bayaran bagi satu (1) set dokumen sebutharga telah ditetapkan sebanyak **RM50.00** menggunakan kiriman wang pos (**money order**) atau **Bank Draf** atas nama **PENGARAH PERTANIAN NEGERI JOHOR**.

3. **Harga Indikatif Jabatan adalah RM 455,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh Lima Ribu Sahaja)**. Indikatif ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

4. Penyebut harga hendaklah mengemukakan satu salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih SAH. Jabatan Pertanian tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Pertanian adalah muktamad.

5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul yang bermetri yang bertulis di sebelah kirinya NO. SEBUTHARGA dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di JABATAN PERTANIAN NEGERI JOHOR, Aras 1, Bangunan Dato' Muhamad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, Kota Iskandar, 79000 Iskandar Puteri, JOHOR.

(
MOHD SUFFIAN AZUDIN BIN MOHD SALLEH
Timbalan Pengarah Pertanian Operasi
Jabatan Pertanian Negeri
Johor